

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font.

# CREATE

*e-newsletter*

## **Pengiktirafan UMP buat warga cemerlang dan komuniti**

Warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan sebahagian daripada komponen perkhidmatan inovatif dan bijaksana dalam menghasilkan kerja yang berkualiti dengan budaya kecemerlangan dan integriti.

Dengan ekosistem korporat dan berautonomi, setiap warga harus lebih bersedia untuk menerima sebarang perubahan tadbir urus perkhidmatan awam dengan lebih cekap seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff berkata, selain penstrukturan baharu organ

---

perkongsian tanggungjawab dan pembangunan bakat antara komitmen lain pihak pengurusan UMP kini i  
pengurusan prestasi *Pay for Performance* (P4P) dengan beberapa inisiatif penambahbaikan bagi meningkatka

“Penting untuk warga kerja UMP terus berusaha meningkatkan momentum prestasi berdasarkan bidang tu  
masing.

“Keupayaan untuk menjana kecemerlangan berasaskan prestasi konsisten dan nilai murni merupakan pra  
gemilang melalui Pelan Strategik UMP 2021-2025 yang akan direka bentuk tidak lama lagi,” ujarnya yang  
yang berlangsung di UMP Kampus Gambang.

Hadir merasmikan majlis ialah Pengarah Scomi Transit Project Sdn. Bhd., Rohaida Ali Baharuddin dan t  
UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Menurut Rohaida, dalam konteks kumpulan syarikat Scomi yang beroperasi di lebih 20 buah negara dan b  
perundangan yang berlainan memerlukan konsistensi dan pelarasan kualiti melalui prosedur operasi stand

Justeru, beliau menasihatkan warga UMP agar bersiap siaga meneroka ilmu pengetahuan dan kepaka  
berdepan dengan cabaran global manakala kepimpinan adalah kunci utama kecemerlangan universiti.

Dalam majlis ini seramai 149 staf UMP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan seramai 20 o  
cemerlang dalam pelbagai lapangan.

Bagi Anugerah Kecemerlangan Industri dan Masyarakat (AKIM), Pensyarah Fakulti Teknologi Kejurute  
penerima tempat pertama bagi Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Kategori Staf Akademik), tempat ked  
Mei dan temat ketiga pula dimenangi oleh Pengarah Pusat Kelestarian Bumi, Profesor Madya Dr. Muzamir

Mohd Najib berjaya menghasilkan produk *G-Grease (Green Grease From Industrial Waste Oil)* dan *G-T*

---

diterima oleh dua *big market (consumer product)* iaitu TNB Research Sdn. Bhd. dan Orca GreenTech Sdn.

Bagi Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Kategori Staf Akademik) dimenangi oleh Pensyarah Kanar Ts Dr. Saifful Kamaludin Muzakir @ Lokman. Beliau merupakan antara penggiat utama dalam menyokong Kejuruteraan, Matematik dan Sains (STEM) antaranya, program Saintis Turun Ke Desa, *Lighting Up* merupakan antara pencetus kepada inisiatif yang dipanggil *Renaissance of Science Educators (R.O.S.E)*.

UMP turut mengiktiraf CIDB Malaysia yang menerima Anugerah Rakan Industri Terbaik.

Kerjasama ini mewujudkan ekosistem Model Informasi Bangunan (BIM) bersama UMP bagi transformasi bagi transformasi Industri Pembinaan Malaysia seperti mewujudkan ekosistem BIM, Penggubalan Dasar Pengetahuan, Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Infrastruktur.

UMP juga melalui inisiatif BIM telah mentransformasikan industri dari kaedah konvensional kepada pembauran menyokong kepada revolusi perindustrian IR 4.0 seperti yang dirangka dalam Program Transformasi CIDB Malaysia diwakili oleh Pengarah CIDB negeri Pahang, Saini Saidi.

Selain itu, bagi kategori Anugerah Rakan Komuniti Terbaik, agenda memasyarakatkan teknologi, UMP taja Perdana yang menjayakan Program Program 1 Rumah 1 Kebun (1R1K).

Dengan bimbingan pensyarah UMP yang telah menyalurkan ilmu dan memasyarakatkan teknologi kepada sumber alam, kehijauan, pertanian bandar dalam meningkatkan sumber ekonomi suri rumah dengan aktiviti

---

Pencapaian ini diperkasakan apabila komuniti telah meneruskan inisiatif tersebut dan berjaya menghasi kebun, isi rumah dan komuniti itu sendiri melalui dua cara iaitu imbuhan pendapatan dari hasil kebun ke seperti sayuran dan ulaman serta Imbuhan Pendapatan kepada Organisasi (KRT) – melalui Tabungan K organik dan set hidroponik.

Hadir menerima hadiah adalah Setiausaha KRT Taman Mutiara Perdana, Zulkhairi Md. Ghani.

Selain itu, terdapat empat lagi kategori anugerah yang disampaikan pada majlis itu iaitu:

- **Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKKP)**

1. Kategori Fakulti - Makmal Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA - CTMS)
2. Kategori Kolej Kediaman - Kolej Kediaman 3
3. Kategori Pentadbiran - Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)

- **Anugerah Sukan**

1. Atlet Terbaik Lelaki - Hairilamri bin Ibrahim (Pembantu Pustakawan, Perpustakaan)
2. Atlet Terbaik Wanita - Ts. Dr. Siti Rabiatal Aisha binti Idris (Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan)
3. Pasukan Terbaik Lelaki - Pasukan Memancing
4. Pasukan Terbaik Wanita - Pasukan Memanah

- **Anugerah ICT (K-Portal)**

1. Kategori Akademik - Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
2. Kategori Pentadbiran - Perpustakaan

- **Anugerah Penerbitan**

1. Kategori Kemanusiaan & Sains Sosial - Buku Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah oleh D Bahasa Moden (PBMSK)
2. Kategori Sains, Teknologi & Perubatan - Buku *Disaster In Malaysia Tomorrow Is A Mystery* oleh Mohamad Idris Ali, Noram Irwan Ramli, Rokiah Othman dan Mohd Arif Sulaiman

---

**Bakal graduan perlu berani mendepani cabaran**

---

Bakal graduan dinasihatkan agar lebih berani dan sentiasa mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam dunia dan kehendak industri yang mahukan mereka bersifat realistik serta dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran yang membuat mereka yang dapat menguasai pelbagai bahasa untuk lebih berdaya saing.

Menurut Pengarah Scomi Transit Projects Sdn. Bhd. (Scomi), Rohaida Ali Badaruddin, cekap dalam mengurus dan kewangan dengan baik, beretika dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam operasi perniagaan yang mencabar dalam dunia perniagaan antarabangsa hari ini.

Sepanjang 19 tahun berkhidmat di Scomi dan sembilan tahun di Plus Berhad pastinya banyak pengalaman dan pentas antarabangsa. Ianya turut dikongsikan dengan mahasiswa sebagai bekalan apabila bergraduasi kelak.

Syarikatnya telah bertapak di 48 lokasi membabitkan 21 buah negara meliputi negara Asia, Timur Tengah, dan Australia.

Ini termasuklah industri berkaitan dengan pembekalan dan perkhidmatan, pembuatan, pembinaan maritim dan menyediakan penyelenggaraan serta reka bentuk pengangkutan kapal marin dan penghasilan minyak dan gas.

Rohaida hadir menjayakan [CEO@Faculty Programme](#) dengan tajuk 'Mengurus kerjasama Antarabangsa Melalui Jaringan Industri dan Masyarakat (ICoN) bertempat di Bilik Seminar ICoN, UMP Kampus Gambang pada 6 September 2019.

Program ini turut dihadiri lebih 100 mahasiswa. Hadir sama Pengarah ICoN, Profesor Madya Dr. Nurul Huda Raizalhilmy Mohd Rais.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam, Ir. Ts. Dr. Nurhidayah Azmy berkata, perkongsian turut dimanfaatkan sama buat pensyarah mahupun mahasiswa yang mempunyai kolaborasi dengan industri.

Manakala menurut mahasiswa UMP, Mohamad Hakimi Jamai yang sedang mengikuti pengajian di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam, banyak memberi manfaat kepada perdagangan antarabangsa terutamanya dalam mengetahui halangan perdagangan antarabangsa yang mempunyai peraturan dan undang-undang berbeza di setiap negara.

---

## Sendirian mendaftar, mahasiswa baharu tidak sangka terkejut

Tatkala pelajar baharu yang lain hadir mendaftar masuk universiti bersama keluarga masing-masing, lain pula dengan Siti Hanisah Syed Hassan, 27 yang menaiki bas sendirian dari Gerik, Perak menuju ke UMP untuk menghadiri sesi pendaftaran pelajar pada 2 September 2019 yang lalu.

Dengan berbekalkan wang tunai RM300 di tangan, Hanisah nekad mengambil keputusan untuk datang dan mendaftar masuk UMP bagi mengikuti jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik.

---

Anak pasangan Halimah Othman dan Syed Hassan Azhari Syed Mohd Hasim ini sebolehnya tidak mahu m bekerja sebagai tukang cuci dan penoreh getah tambahan pula keadaan kesihatan kedua ibu bapanya ya darah tinggi.

Sebagai anak sulung daripada tujuh beradik, beliau lebih rela menaiki bas daripada menyusahka memandangkan perbelanjaan yang agak besar.

“Beberapa hari sebelum menjelang hari pendaftaran, saya ada menghubungi pihak UMP untuk memoh menerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kerana pada masa itu saya simpanan sewaktu bekerja sebagai kerani dan menjahit,” katanya yang merupakan bekas pelajar Kolej Ma

Sepanjang perjalanan, beliau hanya memikirkan bagaimana untuk melunaskan yuran pengajian.

Panggilan telefon yang diterimanya ketika di dalam bas memecahkan kebuntuan. Seorang pegawai UMP merupakan salah seorang penerima insentif Pendidikan UMP yang menerima RM1,000 bagi membiayai masuk universiti.

Beliau bersyukur atas rezeki yang tidak dijangka ini dan yang lebih menggembirakannya ialah apabila pil daripada Terminal Bas Darul Makmur ke universiti selain membenarkannya menginap di kolej kediaman se

“Saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada UMP atas segala bantuan yang diberikan.

Saya tidak menyangka, pihak UMP terlalu mengambil berat tentang pelajarinya dengan pelbagai ban menghubungi keluarga menyampaikan perkhabaran gembira ini.

Tambah Hanisah, baginya semua orang akan mempunyai impian untuk datang bersama keluarga dan m adik-adik lain yang masih bersekolah beliau sanggup berkorban apa sahaja demi keluarga.

Walaupun sedih apabila melihat rakan-rakan dapat bersalaman dan memeluk ibu bapa sebelum pulang, belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya menggenggam segulung ijazah.

Impiannya, jika diizinkan Allah SWT ingin membawa keluarganya bersama-sama sewaktu konvokesyen na

Hanisah merupakan salah seorang daripada 69 pelajar baharu yang menerima inisiatif bantuan pendidikan pelajar baharu sesi 2019/2020 baru-baru ini.

UMP turut mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong budaya menderma demi memakmurkan ilmu pendic

Orang ramai boleh turut sama menyumbang melalui perbankan internet dengan melayari portal *MyGift* di la mendapat maklumat lanjut mengenai program ini.

---

## Muhasabah Kemerdekaan

---

Oleh: DR. HASNAH HUSIIN

e-Mel: [hasnah@ump.edu.my](mailto:hasnah@ump.edu.my)

Setiap saban tahun tanggal 31 Ogos, negara ini merayakan ulang tahun kemerdekaan negara. Bagi m program telah diatur bagi memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan. Paling jelas adalah terlihat ba bendera kebangsaan. Media massa memaparkan dokumentari tentang pembangunan negara, jatuh bang air, Malaysia dalam sejarah, dan pelbagai pertandingan bertemakan kemerdekaan oleh pelajar-pelajar se 62 tahun merdeka, masih ada banyak perkara yang perlu kita renungkan bersama bukan setakat mengin melihat sejauh manakah pencapaian negara kita setakat ini.

Selain keprihatinan kita terhadap sambutan kemerdekaan, salah satu hal yang perlu diberi pengh memperbaiki diri agar bangsa dan negara sentiasa disegani oleh kawan dan lawan. Rakyat negara ini panduan bagi memajukan negara di masa hadapan. Buat generasi baharu, bukan mudah untuk negara ini negara ini pada suatu masa dahulu terpaksa menghunus senjata dan menjadi pak turut kepada jari-jari p beratus tahun lamanya. Generasi kini telah mewarisi negara yang sudah pun bebas, aman dan makmu generasi muda kini yang seakan membawa masuk gejala dan budaya asing dari bekas negara penjajah n yang bertentangan dengan budaya masyarakat negara ini telah menjadi ikutan muda-mudi seperti memi parti, pergaulan bebas serta gaya hidup bebas. Ini satu bentuk pengkhianatan terhadap kemerdekaan nega

---

Lihat sahaja pada beberapa buah negara yang tidak pernah dijajah oleh kuasa asing pada suatu masa dan ini bernasib baik kerana rakyat negara mereka celik teknologi. Mereka terlebih dahulu mencipta teknologi berpengaruh di dunia tidak berani untuk mendekati apatah lagi untuk menakluk. Ini semua disebabkan kuasa ilmu, mereka mampu membuat dan mencipta teknologi yang menggerunkan musuh. Tetapi kebanyakan dapat kita lihat pada masa kini lebih banyak menjadi pengguna teknologi daripada mencipta teknologi. kerana banyak masa dihabiskan bersama teknologi pintar seperti telefon mudah alih. Lagi memalukan kebalik luar negara. Persoalannya, sampai bila rakyat negara ini perlu menongkah dagu dan menjadi pembeli teknologi hanya berbangga dengan pembuatan kereta nasional sahaja kerana masih banyak bidang teknologi yang Malaysia tidak ketinggalan dalam bidang teknologi.

Sejarah juga memperlihatkan penjajahan mudah disebabkan masyarakat itu buta huruf dan tidak berpendidikan. sejarah negara ini pada era sebelum kemerdekaan. Terlalu ramai penduduk Tanah Melayu pada waktu itu memberi kesan kepada kurangnya peratus orang yang berpendidikan. Jika ada yang berpendidikan seterusnya menyambung legasi ahli keluarga membuat kerja-kerja kraf tangan yang tidak ada nilai komersial tinggi, dengan mudah kuasa penjajah masuk dan mempengaruhi pemikiran masyarakat negara ini agar mereka. Orang yang tidak berpendidikan tinggi sememangnya mudah untuk menerima arahan serta dipandu. dilihat pada generasi muda hari ini adalah mereka tidak berminat untuk belajar apatah lagi menyambung. Generasi kini seolah dipaksa untuk belajar dan jika mereka tidak mahu belajar apa yang mereka mahukan.

Begitu juga didapati masyarakat Malaysia kurang membaca dan tidak suka membaca. Ini juga merupakan kerana jika zaman dahulu ramai orang buta huruf kerana tidak berpeluang untuk menerima pendidikan. pelbagai kemudahan untuk menuntut ilmu, tetapi mengapa masih ramai antara kita yang tidak mahu. bagaimana masyarakat hendak menerima ilmu jika mereka malas membaca.

Sejarah lampau juga memperlihatkan rakyat negara ini berjuang habis-habisan untuk menghalau penjajah komunis dan golongan kiri. Segala bentuk propaganda yang dilihat tidak baik untuk masyarakat, akan tetapi perundingan tidak berjaya. Tetapi masyarakat pada hari ini seakan membiarkan sahaja segala bentuk dakwaan liberal yang bertentangan dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, Malaysia negara demokrasi dibiarkan berleluasa tanpa kawalan. Apakah ini bukan suatu pengkhianatan kepada negara Malaysia yang

Sejarah juga memperlihatkan langkah bijak dilakukan oleh penjajah iaitu dengan cara memberikan pertolongan dengan Sultan dan pembesar Melayu. Adakah kita semua tidak melihat ini sebagai tipu muslihat penjajah negara dan seterusnya menjajah dan menaungi negara ini. Walaupun itu sudah menjadi lipatan sejarah, tetapi ini. Negara Barat atau pihak luar sangat mengalu-alukan jika sesebuah negara meminta pertolongan mereka memajukan dan membangunkan ekonomi negara. Untuk itu segala kemudahan telah disediakan bagi mereka. Dalam hal ini, Malaysia perlu bijak dalam mengatur strategi agar kedatangan pelabur asing ini memberi manfaat kepada negara dan rakyat secara keseluruhannya. Persoalannya, setakat ini, sejauh manakah Malaysia mendapat setakat mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk sahaja, bagaimana pula dengan perniagaan merupakan suatu yang perlu kita fikirkan.

Penjajah juga telah bertindak bijak dengan membawa balik segala dokumen dan maklumat negara ini ke negara mereka. lihat rakyat negara ini terpaksa ke negara penjajah untuk melihat maklumat tentang negara mereka sendiri kepada masyarakat negara ini yang kurang kesedaran terhadap nilai yang ada pada negara mereka sendiri yang dimusnahkan begitu sahaja kerana menganggap barang lama tidak ada nilai komersial. Tetapi lihat dokumen-dokumen itu ada tersimpan di negara penjajah dan kita terpaksa membayar jika ingin melihat dokumen tersebut. Sebaik-baiknya atau barang tinggalan zaman penjajahan dipelihara dan dijaga sebaik mungkin oleh pihak berwajib supaya generasi baharu bahawa negara ini pernah dijajah dan terjajah. Jika ini tidak dipelihara dan dimusnahkan generasi baharu tetapi buktinya tiada. Pihak berwajib seharusnya memulakan misi untuk mengkaji dan seterusnya



penjajahan untuk ditatap oleh generasi kini dan masa akan datang. Ini juga adalah inti pati penting yang kemerdekaan.

*Penulis ialah Pensyarah Kanan di Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.*

## Sidang Editorial

### PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
*nc@ump.edu.my*

### KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin  
*zmh@ump.edu.my*

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
*safriza@ump.edu.my*

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
*mimirabitah@ump.edu.my*

Nur Hartini Mohd Hatta  
*nurhartini@ump.edu.my*

Nor Salwana Mohammad Idris  
*salwana@ump.edu.my*

### PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
*mohdsuhaimi@ump.edu.my*

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
*noorazhar@ump.edu.my*

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
*khairul@ump.edu.my*

Muhammad Naufal Samsudin  
*naufal@ump.edu.my*

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
*lin@ump.edu.my*

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang diperlukan untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kandungan yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertimbangkan dan dikembalikan. Sumbangan karya yang dikirimi kepada penerbit di:

EDITOR  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: *safriza@ump.edu.my*

ISSN 1823-7487



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



• 143 views

[View PDF](#)

